

11 Jun 2026

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan,

YBhg. Tan Sri/YBhg. Pn Sri/YBhg. Datuk Seri/YBhg. Dato'/YBhg. Datin/Tuan/Puan,

PERMOHONAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KOPSYA KALI KE-12 TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad (KOPSYA) akan mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) KOPSYA kali ke-12 Tahun 2026 pada ketetapan seperti berikut:-

Kaedah	: Gabungan Fizikal dan Maya - Hibrid
Tarikh	: 21 Jun 2026 (Ahad)
Masa	: 10.00 pagi
Lokasi Fizikal	: Auditorium ANGKASA, Wisma Ungku A. Aziz, Jalan SS6/1, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor
Lokasi Maya	: Rumah atau lokasi yang bersesuaian

3. Untuk makluman, pegawai dari Jabatan YBhg. Tan Sri/YBhg. Pn Sri/YBhg. Datuk Seri/YBhg. Dato'/YBhg. Datin/Tuan/Puan adalah seorang Perwakilan yang akan menghadiri mesyuarat tersebut. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa kehadiran beliau ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPSYA adalah selaras dengan peruntukan Perintah Am 3(b) Bab C yang menyatakan bahawa:-

"Ketua Jabatan boleh mengikut budi bicaranya meluluskan cuti tidak berekod kepada pegawai-pegawai yang menjadi ahli mana-mana syarikat kerjasama untuk menghadiri sebarang kursus, latihan, seminar atau mesyuarat syarikat kerjasama di dalam atau luar Malaysia"

4. Kelulusan YBhg. Tan Sri/YBhg. Pn Sri/YBhg. Datuk Seri/YBhg. Dato'/YBhg. Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat diharapkan demi kemajuan gerakan Koperasi Negara dan didahului dengan ucapan terima kasih.

5. Sebarang pertanyaan sila hubungi pejabat KOPSYA di talian 03 – 7803 1214.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Yang benar,

KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH ANGKASA BERHAD



HAJI ALIMEN BIN AHMAD B.K.M
Setiausaha KOPSYA

s.k – **SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN**

DATUK SERI DR. HJ ABDUL FATTAH BIN HJ ABDULLAH
Pengerusi KOPSYA